

Pengenalan kepada Perakaunan: Jawapan

Arahan: Bagi setiap pernyataan yang diberikan di bawah, nyatakan **andaian, prinsip atau batasan perakaunan** yang betul.

	Pernyataan	Andaian / Prinsip / Batasan
1	Nina, seorang peruncit, tidak merekod bayaran sewa rumahnya dalam buku perakaunan kedainya.	Entiti berasingan
2	Walaupun bangunan yang dimiliki oleh perniagaan Rahim boleh dijual dengan harga RM150,000, nilai yang dicatat dalam buku adalah harga kos RM100,000.	Prinsip kos
3	Perniagaan Hassan telah menetapkan kaedah garis lurus dalam pengiraan susut nilai aset bukan semasa perniagaan untuk semua tempoh perakaunan.	Ketekalan
4	Laporan kewangan disediakan berdasarkan catatan urusan niaga dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.	Tempoh perakaunan
5	Mat Mekanik telah mengenakan bayaran sebanyak RM500 untuk perkhidmatan membaiki van perniagaan.	Pengiktirafan hasil dan belanja
6	Kos bagi perkhidmatan atau aset yang digunakan dalam satu tempoh berkenaan dibandingkan dengan hasil yang terperoleh untuk tempoh yang sama.	Pengiktirafan hasil dan belanja
7	Perniagaan diandaikan wujud untuk jangka masa yang panjang.	Usaha berterusan
8	Raju menjangkakan perniagaannya akan terus beroperasi dan tidak dibubarkan dalam jangka masa pendek.	Usaha berterusan
9	Pemilik perniagaan tidak merekodkan ansuran kereta peribadinya ke dalam akaun perniagaan.	Entiti berasingan
10	Semua aset perniagaan direkodkan berasaskan harga belian dan bukan pada harga pasaran.	Prinsip kos
11	Penyata kewangan sesebuah perniagaan disediakan pada akhir setiap tahun.	Tempoh perakaunan
12	Untung bersih perniagaan diukur secara perbandingan antara hasil dan belanja dalam tempoh perakaunan berkenaan.	Pengiktirafan hasil dan belanja